

PEMERDAGANGAN MANUSIA DI MALAYSIA : ISU DAN USAHA MEMBANTERAS

HUMAN TRAFFICKING IN MALAYSIA: ISSUES AND EFFORT COMBATING

Nurul Amirah Hamzah¹

Fakulti Teknologi Dan Informatik Razak,
Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTMKL), Malaysia
(Email: amirahhamzah94@gmail.com)

Nooraini Othman²

Fakulti Teknologi Dan Informatik Razak,
Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTMKL), Malaysia

Wardatul Aishah Musa³

Malaysian Institute of Information Technology,
Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Malaysia
(Email: wardatulaishah@unikl.edu.my)

Accepted date: 05-03-2019

Published date: 11-07-2019

To cite this document: Hamzah, N. A., Othman, N., & Musa, W. A. (2019). *Pemerdagangan Manusia di Malaysia: Isu dan Usaha Membanteras. International Journal of Law, Government, and Communication*, 4(15), 130-140.

DOI: 10.35631/ijlgc.4150014

Abstrak: *Pemerdagangan manusia merupakan satu isu yang melanda dunia secara global. Hal ini menunjukkan bahawa dunia sedang berdepan dengan konflik pemerdagangan manusia pada tahap yang membimbangkan dan memerlukan keprihatinan daripada semua pihak. Isu pemerdagangan manusia merupakan isu global yang melanda kebanyakan negara di dunia. Situasi ini menuntut kerajaan pelbagai negara termasuklah kerajaan Malaysia untuk berusaha menangani isu pemerdagangan manusia melalui pelbagai pendekatan. Sehubungan itu, artikel ini akan membincangkan berkaitan isu pemerdagangan manusia di Malaysia dan usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan Malaysia bagi menangani isu tersebut. Metod penulisan bagi tinjauan usaha membanteras isu pemerdagangan manusia di Malaysia adalah berasaskan pendekatan kualitatif iaitu melalui analisis kandungan ke atas sumber laporan kerajaan, jurnal ilmiah, buku, artikel dan akhbar berkaitan. Artikel ini diharapkan agar dapat menyumbang kepada korpus ilmu di samping memberi pemahaman terhadap isu dan usaha yang diambil oleh pihak kerajaan dalam menangani isu pemerdagangan manusia yang berlaku di Malaysia pada hari ini.*

Kata Kunci: *Pemerdagangan Manusia, Malaysia, Usaha Membanteras*

Abstract: *Human trafficking is an issue that strikes the world globally. This shows that the world is facing human trafficking conflict and requires concern from all parties in the effort to end it. The issue of human trafficking is a global issue that affects most of the countries in the world. This situation calls for government's efforts from all the countries that involve in this*

issue including Malaysian government. The method of writing for a review of efforts to combat human trafficking in Malaysia is based on a qualitative approach, through content analysis of sources of governmental reports, scientific journals, books, articles and related newspapers. This article is expected to contribute to the corpus of knowledge as well as to provide an understanding of the issues and efforts taken by the government in addressing the issues of human trafficking in Malaysia.

Keywords: *Human Trafficking, Malaysia, Efforts Combatting*

Pengenalan

Isu pemerdagangan manusia merupakan senario serius yang melanda dunia secara global. Pemerdagangan manusia juga berada di tahap yang semakin membimbangkan dengan anggaran hampir 2.5 juta manusia dari 127 buah negara telah diperdagangkan di seluruh dunia (Mohd Bakri, 2010). Jika diteliti, pemerdagangan manusia bukanlah satu fenomena baharu yang melanda dunia malahan ianya dipercayai telah bermula ribuan tahun dahulu dalam bentuk perhambaan. Menerusi kajian sejarah juga terdapatnya bukti-bukti yang menunjukkan bahawa pemerdagangan manusia telah berlaku di rantau seperti Asia Tenggara sejak zaman penjajahan lagi. Hal ini misalnya dapat dilihat menerusi wanita-wanita dari Jepun dan China yang telah bermigrasi melalui Singapura ke negara-negara Asia Tenggara lain untuk berkhidmat sebagai pekerja seks (Glind dan Kooijmans, 2008). Pemerdagangan manusia didefinisikan sebagai perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan seperti merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang (Seksyen 2 Akta Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran, 2007).

Pemerdagangan manusia terdiri daripada beberapa bentuk. Antaranya termasuklah eksploitasi seks, buruh terikat, pengabdian domestik secara paksa, penjualan organ dan pemerdagangan bayi. Eksploitasi seks biasanya melibatkan mangsa pemerdagangan manusia yang ditipu dengan janji mendapat pekerjaan yang bergaji lumayan namun kemudiannya dipaksa melacurkan diri manakala buruh terikat pula melibatkan mangsa pemerdagangan manusia yang diseludup secara haram dan dimanipulasi sepenuhnya untuk bekerja di bawah pengawasan yang ketat serta kadangkala tidak dibayar gaji (Wan Abdul Halim, 2015). Pengabdian domestik pula menurut Wan Abdul Halim (2015) biasanya melibatkan mangsa pemerdagangan manusia iaitu wanita yang dipaksa bekerja sebagai pembantu rumah atau pengasuh manakala kanak-kanak dipaksa untuk bekerja sebagai pengemis dan penjualan organ juga merupakan salah satu daripada bentuk pemerdagangan manusia yang mana kebanyakan organ-organ ini diperolehi dari negara-negara mundur manakala pemerdagangan bayi pula biasanya dilakukan oleh sindiket-sindiket penculikan kerana sentiasa mendapat permintaan tinggi.

Terdapat tiga jenis negara yang terlibat di dalam isu pemerdagangan manusia iaitu negara sumber, negara transit dan negara destinasi. Negara sumber merupakan negara di mana orang yang didagangkan itu berasal. Negara sumber menjadi tumpuan sindiket untuk mencari individu atau kumpulan manusia yang akan menjadi mangsa mereka. Seterusnya negara transit merupakan negara yang dijadikan sebagai laluan oleh sindiket pemerdagangan manusia untuk membawa mangsa pemerdagangan manusia sebelum tiba ke negara destinasi. Kaedah laluan yang digunakan untuk menuju ke negara transit termasuklah menggunakan jalan darat, laut dan udara. Negara destinasi pula merupakan negara penerima mangsa pemerdagangan manusia atau negara yang dituju oleh sindiket untuk membawa mangsa mereka.

Dalam konteks pemerdagangan manusia, Malaysia dianggap sebagai negara destinasi serta transit bagi aktiviti pemerdagangan manusia dan Malaysia juga tidak dapat mengelak daripada menjadi negara sumber walaupun masih di tahap rendah (Mohd Bakri, 2010). Malaysia sering dijadikan sebagai negara destinasi kerana perkembangan ekonominya yang pesat di samping kemakmuran yang dikecapi. Oleh itu, ramai mangsa pemerdagangan manusia yang terdiri daripada warga asing menjadikan Malaysia sebagai negara destinasi untuk mereka mencari peluang ekonomi yang lebih baik. Disebabkan oleh keuntungan yang diraih menerusi aktiviti pemerdagangan manusia adalah besar sehingga mencecah US\$10 billion hingga US\$31.6 billion setahun menurut Niel Jensen selaku Bekas Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Transaksi Laporan dan Analisis Australia (AUSTRAC), ia menjadi sebab mengapa pemerdagangan manusia berterusan berlaku di seluruh dunia sehingga kini.

Sebagai negara yang semakin pesat membangun Malaysia tidak dapat mengelak daripada menghadapi isu pemerdagangan manusia kerana isu tersebut merupakan isu global yang melanda hampir kesemua negara di dunia. Namun begitu persoalannya ialah sejauh manakah pihak kerajaan Malaysia menjalankan usaha-usaha yang serius bagi membanteras pemerdagangan manusia daripada terus berlaku di negara ini. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk membincangkan fenomena isu pemerdagangan manusia yang sedang berlaku di Malaysia beserta usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan Malaysia untuk membanteras isu ini.

Kajian Literatur

Terdapat beberapa kajian yang dilakukan berkaitan dengan isu pemerdagangan manusia di Malaysia beserta usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan dalam membanteras isu ini. Antara kajian yang dijalankan termasuklah kajian oleh Mohd Bakri (2010) yang bertajuk *Jenayah dan Isu Pemerdagangan Orang Di Kalangan Warga Asing*. Kajian ini membincangkan beberapa isu berkaitan pemerdagangan manusia dalam kalangan warga asing seperti eksploitasi seks, penjualan bayi dan perhambaan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya isu pemerdagangan manusia di Malaysia telah dinyatakan seperti kemiskinan, kurang pendidikan (iliterasi), krisis ekonomi, konflik dalaman dan serantau serta ketidakstabilan politik. Kajian ini juga memberikan tumpuan kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) selaku agensi penguat kuasa yang penting di Malaysia. Antara usaha yang dilakukan oleh pihak PDRM ialah dengan menubuhkan Unit Antipemerdagangan Orang (Unit ATIP). Unit ATIP yang berpusat di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman ini bertanggungjawab mengenal pasti dan mengambil tindakan ke atas kes-kes pemerdagangan orang, membanteras sindiket yang terlibat, mengumpul maklumat dan risikan serta menjalankan penguatkuasaan di premis dan tempat yang berkaitan dengan kesalahan pemerdagangan manusia.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Norcikeyonn dan Nor-Ina (2013) bertajuk *Usaha Malaysia Dalam Membanteras Jenayah Pemerdagangan Orang: Satu Tinjauan* juga menerangkan secara ringkas berkenaan usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan Malaysia dalam membanteras isu ini. Menurut kajian ini, antara usaha yang dilakukan oleh Malaysia dalam membanteras pemerdagangan manusia termasuklah menubuhkan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO), menguatkuasakan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM 2007), mewujudkan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015), menjalankan rundingan dengan negara luar, penguatkuasaan, pendakwaan dan perlindungan. Kajian ini menyatakan bahawa kerajaan Malaysia telah mengambil langkah holistik dan proaktif dalam membanteras pemerdagangan manusia. Oleh itu, menjadi satu tanggungjawab pula kepada masyarakat untuk

membantu pihak penguatkuasa bagi memastikan pemerdagangan manusia dapat dibanteras dengan berkesan.

Pada tahun 2014, Wan Nur Ibtisam juga menjalankan kajian berkenaan isu pemerdagangan manusia di Malaysia menerusi tajuk kajiannya iaitu *Human Trafficking Policy Implementation: A Case Study Of Malaysia*. Menerusi kajian yang berbentuk kualitatif ini, beberapa perkara utama telah dibincangkan termasuklah usaha membanteras pemerdagangan manusia di Malaysia yang dilakukan oleh pihak kerajaan menerusi polisi-polisi yang berkaitan dengan pemerdagangan manusia di Malaysia. Antara polisi tersebut termasuklah Akta Antipemerdagangan Orang 2007 dan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang. Terdapat beberapa kelemahan dalam pengimplementasian dalam polisi tersebut yang dikenal pasti dalam kajian ini, antaranya termasuklah kurang sensitiviti, kurang pengetahuan, kurang kuasa budi bicara, kekangan dari segi peruntukan serta kerjasama yang tidak erat. Kajian ini turut mencadangkan beberapa penambahbaikan dalam pengimplementasian polisi-polisi yang berkaitan dengan pemerdagangan manusia di Malaysia supaya polisi-polisi ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan sebagai salah satu senjata yang dapat digunakan oleh pihak kerajaan dalam membanteras isu ini.

Seterusnya, Kartini (2015) melalui kajiannya yang dibukukan iaitu *Pemerdagangan Manusia: Hak, Hambatan dan Inisiatif* juga membincangkan isu pemerdagangan manusia di Malaysia. Kajian beliau yang merupakan kajian kualitatif membincangkan berkenaan inisiatif kerajaan Malaysia dalam menangani isu pemerdagangan manusia. menurut kajian ini terdapat beberapa inisiatif dari kerajaan Malaysia dalam menangani isu pemerdagangan manusia yang disenaraikan di dalam kajian ini. Antaranya termasuklah dengan memperkenalkan Akta Antipemerdagangan Orang 2007, menubuhkan Majlis Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Orang (MAPO), menjalankan kempen kesedaran, menjalankan kerjasama dengan pelbagai agensi tempatan dan antarabangsa, memperkukuhkan penguatkuasaan undang-undang serta menguruskan kawalan sempadan dan pemantauan dengan lebih efisien.

Isu pemerdagangan manusia di Malaysia juga dibincangkan setiap tahun menerusi Laporan Pemerdagangan Manusia (Trafficking In Person Report) yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat. Laporan Pemerdagangan Manusia yang dikeluarkan pada setiap tahun ini adalah berdasarkan tahap pematuhan standard minimum dalam memerangi jenayah pemerdagangan manusia (U.S. Department Of State, 2018). Menerusi laporan ini juga, tahap akan diberikan kepada setiap negara pada setiap tahun berdasarkan usaha yang diambil oleh negara tersebut dalam membanteras pemerdagangan manusia di negara mereka di samping mengaplikasikan sepenuhnya Akta Pemerdagangan Perlindungan Manusia (TVPA) Amerika Syarikat mengikut standard minimum. Walaupun laporan ini tidak membincangkan dengan terperinci berkaitan usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan Malaysia dalam membanteras isu ini akan tetapi laporan ini akan mengulas berkaitan isu pemerdagangan manusia yang berlaku di Malaysia secara umum dan tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan pada tahun tersebut.

Kaedah Kajian

Dalam kajian ini, kaedah kajian yang digunakan ialah kajian perpustakaan. Menerusi kaedah kajian perpustakaan, kajian-kajian lepas yang bersesuaian telah dipilih bagi menyokong tajuk kajian dan menjadikannya sebagai sumber rujukan. Selepas kajian-kajian lepas dipilih, maklumat-maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian akan diteliti dan dikumpul. Antara maklumat yang diteliti dan dikumpul termasuklah yang berkaitan dengan beberapa konsep penting seperti pemerdagangan manusia di Malaysia, isu-isu yang berkaitan dan pandangan

Islam terhadap isu ini. Berdasarkan kajian-kajian lepas yang diperolehi, hasil dapatan daripada kajian-kajian tersebut telah dianalisis bagi mendapatkan maklumat-maklumat baru yang berkaitan dengan tajuk kajian.

Kajian-kajian lepas dipilih daripada buku, jurnal ilmiah dan laporan-laporan kerajaan. Buku-buku yang digunakan termasuklah buku-buku ilmiah yang ditulis oleh ahli akademik serta buku-buku yang diterbitkan oleh jabatan-jabatan kerajaan yang mempunyai kaitan dengan isu pemerdagangan manusia di Malaysia dan pandangan Islam terhadap isu tersebut. Jurnal-jurnal ilmiah juga dipilih berdasarkan tajuk-tajuk yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian manakala laporan-laporan kerajaan turut digunakan khususnya bagi mendapatkan data-data spesifik berkaitan dengan isu pemerdagangan manusia di Malaysia.

Malaysia dan Isu Pemerdagangan Manusia

Secara umumnya, hampir kesemua negara di dunia terlibat dengan isu pemerdagangan manusia. Hal ini disebabkan kerana isu pemerdagangan manusia merupakan isu rentas sempadan, maka banyak negara di dunia sama ada negara maju atau membangun tidak terlepas daripada menghadapi isu ini. Di negara maju seperti Amerika Syarikat misalnya, menurut Chapkis (2003) setiap tahun mangsa pemerdagangan manusia di negara tersebut yang melibatkan wanita dan kanak-kanak mencecah 50, 000 orang setiap tahun. Wanita dan kanak-kanak ini dipaksa dan ditipu oleh jaringan industri haram antarabangsa termasuk menjadi buruh paksa, keldai dadah, perkhidmatan domestik, kerja-kerja pertanian dan pelacuran. Mangsa-mangsa pemerdagangan manusia yang dibawa masuk ke Amerika Syarikat tanpa dokumen ini turut dipaksa bekerja di sektor perkilangan dan perladangan.

Jika dilihat dengan lebih dekat khususnya di rantau Asia Tenggara, banyak negara yang sedang pesat membangun turut menghadapi isu pemerdagangan manusia. Tuntutan desakan hidup ekoran dari ketidaksielamatan ekonomi, pembangunan sosial, politik negara yang tidak stabil, dan kurangnya pendedahan terhadap pendidikan menyebabkan banyak kawasan-kawasan pedalaman di negara-negara Asia Tenggara berisiko tinggi menjadi latar kepada fenomena pemerdagangan manusia (Firdaus dan Zarina, 2015). Di Thailand misalnya, setiap tahun beribu kanak-kanak di perdagangkan keluar dari kawasan perkampungan mereka yang terletak jauh di pedalaman. Mereka ini kemudiannya akan dijual dan diperdagangkan di bandar-bandar besar di Thailand. Antara tujuan utama mereka didagangkan adalah untuk kegiatan pelacuran serta pornografi dan mereka juga turut didagangkan sehingga ke pasaran luar negara. Menurut kajian UNICEF pada tahun 2001, Thailand merupakan negara transit, sumber dan destinasi kanak-kanak dan wanita untuk tujuan keperluan pasaran industri seks global dan pada masa yang sama untuk industri seks tempatannya (Burke dan Ducci, 2006).

Di rantau Asia Tenggara pula, Malaysia merupakan antara negara yang pesat membangun dan pada masa yang sama terpaksa menghadapi isu pemerdagangan manusia. Malaysia dianggap sebagai negara destinasi serta transit bagi aktiviti pemerdagangan manusia dan Malaysia juga tidak dapat mengelak daripada menjadi negara sumber walaupun masih di tahap rendah (Mohd Bakri, 2010). Perkembangan ekonomi Malaysia yang pesat di samping kemakmuran yang dikecapi membuatkan Malaysia sering kali menjadi tarikan utama kepada warga asing untuk datang ke negara ini. Menurut SUHAKAM (Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, 2018) memandangkan Malaysia merupakan destinasi popular dalam kalangan pekerja asing atas sebab ekonomi atau sebagai negara transit, kumpulan pekerja ini terdedah menjadi mangsa pemerdagangan seks dan buruh.

Isu pemerdagangan manusia di Malaysia perlu dipandang serius kerana menerusi laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat (U.S. Department Of State) pada tahun 2012 mencatatkan bahawa terdapat 2 juta mangsa pemerdagangan manusia terdiri daripada 2 juta pekerja asing yang sah di Malaysia dan 2 juta lagi adalah merupakan pekerja asing tanpa izin di Malaysia. Pekerja-pekerja asing yang datang ke Malaysia berasal dari pelbagai negara termasuklah negara-negara jiran seperti Indonesia, Thailand, Filipina serta negara-negara lain seperti Vietnam, Myanmar, Kemboja, India, China, Nepal, Bangladesh dan Pakistan (Norcikeyonn dan Nor-Ina, 2013). Majoriti mereka datang ke Malaysia kerana mencari peluang ekonomi yang lebih besar berbanding di negara asal dan keadaan ini membuatkan mereka mudah untuk terlibat dengan isu pemerdagangan manusia.

Isu pemerdagangan manusia ini juga menyebabkan imej Malaysia semakin buruk apabila pada bulan Januari 2015 pasukan projek khas daripada akhbar New Straits Times (NST) telah menjumpai kem pemerdagangan manusia dan kubur di kawasan berbukit yang terletak di Wang Kelian, Perlis (Berita Harian, 20 Disember 2017). Melalui penyiasatan yang dilakukan, kem tersebut merupakan lokasi transit kepada pendatang asing yang ingin memasuki Malaysia. Siasatan yang dilakukan di kem tersebut juga menjumpai 139 buah kubur besar dan kecil yang dipercayai mengandungi ratusan mayat pendatang asing khususnya dari Myanmar dan Bangladesh (Utusan Online, 26 Mei 2015). Keadaan ini benar-benar mencalarakan imej Malaysia di mata dunia khususnya dari segi kedudukan Malaysia dalam isu pemerdagangan manusia di peringkat antarabangsa. Kedudukan Malaysia dalam isu pemerdagangan manusia di peringkat antarabangsa adalah sangat penting kerana mempengaruhi imej Malaysia sebagai negara yang memperjuangkan hak asasi manusia di samping menentang sekerasnya perbuatan memperdagangkan manusia.

Kedudukan Malaysia dalam Isu Pemerdagangan Manusia

Kedudukan sesebuah negara dalam isu pemerdagangan manusia dapat dilihat menerusi Laporan Pemerdagangan Manusia (Trafficking In Person Report) yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat. Laporan Pemerdagangan Manusia ini dikeluarkan pada setiap tahun dan laporan ini adalah berdasarkan tahap pematuhan standard minimum dalam memerangi jenayah pemerdagangan manusia (U.S. Department Of State, 2018). Menerusi laporan ini juga, ranking akan diberikan kepada setiap negara pada setiap tahun berdasarkan usaha yang diambil oleh negara tersebut dalam membanteras pemerdagangan manusia di negara mereka di samping mengaplikasikan sepenuhnya Akta Pemerdagangan Perlindungan Manusia (TVPA) Amerika Syarikat mengikut standard minimum.

Tahap 1 merupakan ranking terbaik yang diberikan menerusi laporan ini diikuti oleh Tahap 2, Tahap 2 Pemerhatian dan Tahap 3 yang merupakan ranking terendah dalam laporan tersebut. Sejak Laporan Pemerdagangan Manusia ini diperkenalkan pada tahun 2001, Malaysia pernah menduduki Tahap 3 sebanyak empat kali, menduduki Tahap 2 Pemerhatian sebanyak lapan kali termasuk pada tahun 2018, menduduki Tahap 2 sebanyak lima kali dan tidak pernah langsung menduduki Tahap 1 (2001-2008). Pada tahun 2018, Malaysia dinyatakan sebagai belum memenuhi sepenuhnya standard untuk membanteras isu pemerdagangan manusia walaupun terdapat usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan Malaysia. Kedudukan Malaysia juga menurun daripada Tahap 2 pada tahun 2017 kepada Tahap 2 Pemerhatian pada tahun 2018 kerana kerajaan Malaysia didapati kurang mendakwa suspek-suspek yang disyaki terlibat dalam isu pemerdagangan manusia berbanding pada tahun 2017 (U.S. Department Of State, 2018).

Walaupun Laporan Pemerdagangan Manusia yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat pada setiap tahun ini tidak terpakai di Malaysia, akan tetapi laporan ini akan memberikan kesan buruk secara tidak langsung terhadap imej Malaysia di peringkat antarabangsa khususnya dari segi peranan Malaysia dalam menangani isu pemerdagangan manusia. Menurut Jabatan Negara Amerika Syarikat, usaha Malaysia memerangi pemerdagangan orang dalam tiga aspek utama iaitu pendakwaan, perlindungan dan pencegahan adalah tidak mencukupi atau memuaskan (SUHAKAM, 2018). Oleh yang demikian, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) yang bertindak sebagai sebuah institusi hak asasi manusia sentiasa menyeru kerajaan Malaysia untuk mempergiatkan usaha mencegah dan memerangi pemerdagangan manusia di samping memastikan bantuan dan perlindungan sepenuhnya diberikan kepada mangsa yang terlibat agar dapat meningkatkan kedudukan Malaysia dalam Laporan Pemerdagangan Manusia pada masa akan datang.

Jadual 1: Kedudukan Malaysia Dalam Laporan Pemerdagangan Manusia Dari Tahun 2010 Hingga 2018

Tahun	Kedudukan
2010	Tahap 2 Pemerhatian
2011	Tahap 2 Pemerhatian
2012	Tahap 2 Pemerhatian
2013	Tahap 2 Pemerhatian
2014	Tahap 3
2015	Tahap 2 Pemerhatian
2016	Tahap 2 Pemerhatian
2017	Tahap 2
2018	Tahap 2 Pemerhatian

Sumber: Trafficking in Persons Report 2010 - 2018, U.S. Department Of State.

Usaha Malaysia dalam Membanteras Isu Pemerdagangan Manusia

Menerusi Artikel 6 (1) dan 6 (2) Perlembagaan Persekutuan melarang perhambaan dan buruh paksa. Walaupun Perlembagaan Persekutuan tidak mendefinisikan apakah perhambaan dan buruh paksa, namun menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa perhambaan dan buruh paksa merupakan kerja atau perkhidmatan yang diminta dari sesiapa pun di bawah ancaman denda dan yang mana orang tersebut tidak pernah menawarkan perkhidmatannya dengan sukarela (Beate Andrees, 2008). Dalam keadaan ini, jelas bahawa perhambaan dan buruh paksa merupakan bentuk pemerdagangan manusia yang dilarang sama sekali di peringkat antarabangsa termasuklah di Malaysia (Zuraini dan Khairul Azmin, 2013). Menyedari bahawa isu pemerdagangan manusia membawa pelbagai kesan buruk kepada negara, kerajaan Malaysia telah menyusun beberapa langkah untuk menangani isu ini. Langkah tersebut termasuklah menubuhkan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO), mewujudkan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM 2007), melancarkan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015) serta Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2016-2020).

Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO)

Majlis Antipemerdagangan Orang merupakan suatu agensi yang ditubuhkan pada tahun 2008 sebagaimana yang telah diperuntukkan oleh Seksyen 6 (1) Akta Antipemerdagangan Orang 2007 (Akta 670). Pindaan akta yang dibuat pada tahun 2010 telah menukar nama agensi ini kepada Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO). Keahlian di dalam majlis ini terdiri daripada pihak kerajaan seperti Ketua Setiausaha Kementerian Luar

Negara, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Peguam Negara, Ketua Polis Negara dan Ketua Pengarah Imigresen, Ketua Pengarah Kastam, Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Wakil Kementerian Dalam Negeri. Ahli di dalam majlis ini juga terdiri daripada pihak badan bukan kerajaan (NGO) seperti wakil Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), wakil *National Council of Women's Organisations* (NCWO) dan wakil Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Di bawah MAPO juga terdapat beberapa sekretariat seperti Jawatankuasa Perundangan, Jawatankuasa Penguatkuasaan, Jawatankuasa Perlindungan dan Pemulihan Mangsa, Jawatankuasa Khas Mengenai Pemerdagangan Buruh dan Jawatankuasa Media dan Publisiti. MAPO menjalankan fungsi seperti berikut :

- i. Merumus dan menyelia pelaksanaan pelan tindakan kebangsaan mengenai pencegahan dan pambanterasan pemerdagangan orang termasuklah bantuan dan perlindungan kepada orang yang diperdagangkan.
- ii. Membuat syor kepada menteri tentang segala aspek pencegahan dan pambanterasan pemerdagangan orang.
- iii. Mengawasi corak imigrasi dan emigrasi di Malaysia bagi bukti pemerdagangan dan endapatkan respon segera dari agensi atau badan kerajaan yang berkaitan dan pertubuhan bukan kerajaan tentang masalah pemerdagangan orang yang dibawa kepada perhatian mereka.
- iv. Menyelaraskan perumusan dasar dan mengawasi pelaksanaannya ke atas isu-isu pemerdagangan orang yang berkaitan dengan agensi atau badan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan yang berkaitan.
- v. Merumuskan dan menyelaraskan langkah-langkah untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada orang awam, termasuk orang-orang yang berkemungkinan diperdagangkan, tentang sebab dan akibat pemerdagangan orang.
- vi. Bekerjasama dan menyelaras dengan badan antarabangsa dan badan atau jawatankuasa serantau lain yang serupa berhubung dengan masalah dan isu pemerdagangan orang termasuk bantuan dan perlindungan kepada orang yang diperdagangkan.
- vii. Menasihati kerajaan mengenai isu pemerdagangan orang termasuk perkembangan di peringkat antarabangsa terhadap perbuatan pemerdagangan orang.
- viii. Mengumpul dan mengumpul semak data dan maklumat serta maklumat dan memberi kuasa bagi penyelidikan berhubung dengan pencegahan dan pambanterasan pemerdagangan orang.
- ix. Melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diarahkan oleh menteri bagi pelaksanaan akta ini dengan sewajarnya.

Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (2007)

Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (2007) telah diperkenankan pada 18 Julai 2007 (Akta Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran, 2007) yang bertujuan untuk mencegah dan memerangi pemerdagangan manusia. Tindakan ini termasuk perlindungan dan sokongan kepada mangsa pemerdagangan, hukuman penjenayah, penubuhan majlis antipemerdagangan manusia dan perkara yang berkaitan dengannya (Kartini, 2015). Walaubagaimanapun, akta ini dipinda pada tahun 2010 dan dinamakan sebagai Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM). Pindaan akta tersebut dilakukan bertujuan untuk menangani sindiket antarabangsa yang menjadikan Malaysia sebagai negara transit pemerdagangan dan penyeludupan manusia sebelum membawa mangsa-mangsa yang terlibat ke negara ketiga terutamanya Australia (Norcikeyonn dan Nor-Ina, 2013).

Di bawah ATIPSOM, pemerdagangan manusia ditakrifkan sebagai semua perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan seperti merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang (Seksyen 2 ATIPSOM). Akta ini memberi kuasa kepada pihak kerajaan untuk mendakwa dan mengenakan hukuman selain peruntukan penjara sehingga 20 tahun dan denda sehingga RM50,000 (Wan Abdul Halim, 2015). Di bawah akta ini juga, Majlis Antipemerdagangan Orang telah ditukar namanya kepada Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migra (MAPO). MAPO diamanahkan untuk menyelaras dan melaksanakan ATIPSOM serta merangka program-program dasar dan perlindungan untuk memerangi pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015)

Sebagai kesinambungan kepada ATIPSOM, Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015) telah dilancarkan. Pelan ini dilancarkan oleh bekas Menteri Pertahanan Malaysia, YB Dato' Seri Hishammuddin Bin Tun Hussein. Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015) ini diwujudkan adalah bertujuan sebagai pelengkap kepada Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) dalam memastikan pelaksanaan inisiatif nasional berjalan dengan lancar dan efektif untuk tempoh lima tahun iaitu bermula dari tahun 2010 sehingga 2015 (Norcikeyonn dan Nor-Ina, 2013). Pelancaran Pelan Tindakan Negara Menentang Pemerdagangan Orang 2010-2015 juga secara langsung mencerminkan komitmen dan aspirasi Malaysia dalam memerangi pemerdagangan manusia.

Antara objektif pelan ini ialah menentukan hala tuju strategik untuk tempoh lima tahun, menentukan matlamat strategik yang akan memandu dan memacu usaha-usaha nasional untuk membanteras jenayah pemerdagangan orang serta menentukan bidang-bidang program untuk menyokong dan memastikan keberkesanan pelaksanaan matlamat strategik (Majlis Antipemerdagangan Orang, 2010). Terdapat lima prinsip yang menjadi panduan dalam pelan ini termasuk tanggungjawab kerajaan, penyertaan masyarakat sivil, layanan terhadap mangsa pemerdagangan manusia berdasarkan hak asasi manusia, koordinasi dalam kalangan pelbagai agensi di peringkat kerajaan dan dengan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan prinsip terakhir iaitu penilaian sistematik dan ketahanan.

Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2016-2020)

Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2016-2020) dilancarkan pada 15 Ogos 2016 oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi. Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2016-2020) adalah penting bagi merealisasikan matlamat dan aspirasi kerajaan Malaysia dalam mencegah dan membanteras isu pemerdagangan manusia (Jabatan Penerangan Malaysia, 2017). Pelan ini merupakan fasa kedua daripada pelan 2010-2015 bagi memastikan Malaysia berusaha mencapai Tahap Satu dalam Laporan Pemerdagangan Orang yang dikeluarkan setiap tahun oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat.

Pelan ini juga melibatkan kerjasama pelbagai kementerian, jabatan dan agensi yang memerangi pengedaran manusia. Ia juga melibatkan komitmen dan kerjasama jentera yang terlibat dalam penguatkuasaan, perundangan, perlindungan dan publisiti dalam tempoh lima tahun akan datang (Utusan Borneo Online, 16 Ogos 2016). Selain itu, pelan ini akan memberikan keutamaan kepada kebajikan dan perlindungan mangsa pemerdagangan manusia mengikut cadangan seperti yang ditentukan di peringkat antarabangsa. Pelan ini turut akan menjadi

rujukan dan panduan asas bagi kementerian dan agensi kerajaan serta NGO yang terlibat dalam usaha menangani isu perdagangan manusia di Malaysia di samping merancang strategi-strategi penguatkuasaan yang berkesan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, perdagangan manusia merupakan satu isu yang serius yang sedang melanda dunia dan bukan sahaja berlaku di Malaysia. Isu perdagangan manusia tidak boleh dibiarkan daripada terus berlaku di Malaysia kerana ianya akan membawa pelbagai kesan negatif khususnya merencatkan pembangunan negara ini dari aspek politik, ekonomi dan sosial. Oleh yang demikian, kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa langkah efektif untuk menangani isu ini. Langkah-langkah yang diambil jelas menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia sentiasa berusaha dengan gigih dan proaktif dalam membanteras isu perdagangan manusia secara holistik. Langkah-langkah yang telah dijalankan ini juga menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia telah melakukan yang terbaik dalam menangani isu perdagangan manusia dengan mengikut dasar negara serta mengambil kira aspek kedaulatan, keselamatan dan integriti. Pada masa yang sama, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan ini akan memberikan hasil yang positif sekiranya masyarakat sekeliling memahami, mempunyai kesedaran serta tanggungjawab sosial dalam membantu pihak kerajaan menangani isu perdagangan manusia hingga ke peringkat akar umbi.

Rujukan

- Ab Hamid, Z., & Mokhtar, K. A. (2013). Human Trafficking: The International, Malaysian Legal Framework And Shariah Perspectives. *IIUM Law Journal*, 21 (2).
- Akta Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran 2007. (2015, November 18). Diunduh dari <http://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/Bahagian%20PU/Penguatkuasaan%20TASKA/Pewartaan/Akta%200670%20ATIPSOM%20Bersama%20Pindaan%202016.pdf>
- Andrees, B. (2014). Kerja Paksa Dan Pemerdagangan Orang Buku Pedoman Untuk Pengawas Ketenagakerjaan. Jakarta: Kantor Perburuhan Internasional.
- Burke, A., & Ducci, S. (2005). Trafficking in minors for commercial sexual exploitation: Thailand. Torino: United Nations Interregional Crime and Justice Research Institute.
- Chapkis, W. (2003). Trafficking, migration, and the law: Protecting innocents, punishing immigrants. *Gender & Society*, 17(6), 923-937.
- Farrah Naz dan Aliza. (2017, Disember 20). Rahsia Di Wang Kelian. BH Online. Diunduh dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/12/365689/rahsia-di-wang-kelian>
- Jabatan Penerangan Malaysia. (2017). Malaysia 2017 Buku Rasmi Tahunan. Putrajaya: Jabatan Penerangan Malaysia Kementerian Komunikasi Dan Multimedia.
- Kartini Aboo Talib @ Khalid. (2015). *Pemerdagangan Manusia: Hak, Hambatan Dan Inisiatif*, Bangi: Institut Kajian Etnik (KITA).
- Kementerian Dalam Negeri. (2017). Statistik Kes Pemerdagangan Orang Mengikut Agensi Penguatkuasaan Sehingga 2017. Diunduh dari http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-tindakan-oleh-agensi-agensi-penguatkuasaan-berdasarkan-akta-anti-pemerdagangan-orang
- Kokko, L. (2008). People for Sale? Three Different Approaches to Human Trafficking. *Human Security Journal*, 6(46), 275.
- Majlis Antipemerdagangan Orang. (2010). Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015). Diunduh dari http://www.moha.gov.my/images/maklumat_bahagian/MAPO/NAP_ANTIPEMERDAGANGAN_ORANG_2010_2015.pdf

- Misran, F., & Othman, Z. (2015). Migrasi Dan Keselamatan Insan: Kajian Kes Pemerdagangan Kanak-Kanak Di Thailand. *KRITIS: Jurnal Ilmu Sosial dan Ilmu Politik Universitas Hasanuddin*, 1(1), 1-23.
- Mohd Bakri Mohd Zinin. (2010). Jenayah Dan Isu Pemerdagangan Orang Di Kalangan Warga Asing. Dalam Mohd. Azizuddin Mohd. Sani and Abdul Rahman Abdul Aziz (Ed.). *Seminar on Nasional Resilience: Political Managements and Policies in Malaysia (SNAR 2010)*, (hlm. 1-11). Sintok, Kedah.
- Mstar. (2010, Julai 20). Pemerdagangan Orang, Sumber Keuntungan Ketiga Terbesar Jenayah Terancang Antarabangsa. *Mstar Online*. Diunduh dari <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2010/07/20/pemerdagangan-orang-sumber-keuntungan-ketiga-terbesar-jenayah-terancang-antarabangsa/>
- Norraiha Mohamad Eusof. (2016). Jenayah Pemerdagangan Orang Dan Penyeludupan Migran Di Malaysia: Pandangan Undang-Undang Dan Islam. (Tesis Sarjana). Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Samuni, N., & Kanyo, N. I. (2013). Usaha Malaysia dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang: satu tinjauan. *International Journal of Environment, Society and Space (IJESS)*, 1(1), 62-74.
- Sharilfuddin. (2015, Mei 26). 139 Kubur Besar, Kecil Di Wang Kelian. Utusan Online. Diunduh dari <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/139-kubur-besar-kecil-di-wang-kelian-1.95954>
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM). (2013). Pemerdagangan Manusia. Diunduh dari <http://www.suhakam.org.my/ms/human-trafficking/>
- U.S. Department Of State. (2012). Trafficking in Persons Report 2012. Diunduh dari <https://www.state.gov/documents/organization/192596.pdf>
- U.S. Department Of State. (2018). Trafficking in Persons Report 2018. Diunduh dari <https://www.state.gov/j/tip/rls/tiprpt/2018/index.htm>
- Utusan Borneo Online. (2016, Ogos 16). Malaysia Sasar Capai Status Tahap 1 Dalam Laporan Pemerdagangan Orang. Utusan Borneo Online. Diunduh dari <https://www.utusanborneo.com.my/2016/08/16/malaysia-sasar-capai-status-tahap-1-dalam-laporan-pemerdagangan-orang>
- Van de Glind, H., & Kooijmans, J. (2008). Modern-Day Child Slavery 1. *Children & Society*, 22(3), 150-166.
- Wan Abdul Halim Yaakob. (Ed.). (2015). *Pemerdagangan Manusia*. Putrajaya: Jabatan Penerangan Malaysia Kementerian Komunikasi Dan Multimedia.